



# GARIS PANDUAN

*Penerbitan dan Percetakan Bab dalam Buku  
(Dana Seminar/Fakulti/Pusat)*



## PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu Editor untuk menghasilkan Bab dalam Buku yang selaras dengan "house style" Penerbit KUIS.

## SYARAT PENYERAHAN

Manuskrip yang dihantar hendaklah belum pernah diterbitkan oleh mana-mana penerbit lain. Perakuan terkandung dalam Perjanjian Penerbitan yang akan ditandatangani apabila manuskrip dipersetujui untuk diterbitkan.

## PERMOHONAN PENERBITAN

Manuskrip yang dihantar kepada Penerbit KUIS mestilah merupakan cetusan terakhir karya pemikiran Editor, bukannya draf yang akan dipinda atau memasukkan maklumat-maklumat tambahan secara berperingkat. Semua permohonan penerbitan perlu dihantar kepada Penerbit KUIS dengan melengkapkan dokumen berikut:

- i. Melengkapkan Borang Permohonan Penerbitan Manuskrip
- ii. Melengkapkan Borang Permohonan ISBN
- iii. Surat Lantikan Editor
- iv. Borang Penilaian Pewasitan
- v. Salinan *soft copy* (program Microsoft Word) die-melkan kepada [penerbit@kuis.edu.my](mailto:penerbit@kuis.edu.my)
- vi. Satu (1) salinan *hard copy* manuskrip yang telah lengkap diwasit. Bagi manuskrip Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menggunakan font Times New Roman, saiz font: 11pt dengan langkau baris (*spacing*) 1.15. Manakala bagi manuskrip Bahasa Arab perlu menggunakan font Traditional Arabic, saiz font: 14pt.
- vii. Jumlah minimum muka surat adalah 120 (kandungan teks).
- viii. Bilangan minimum bab dalam sesebuah Bab dalam Buku ialah sepuluh (10) bab. Tetapi, digalakkan agar sesebuah Bab dalam Buku mengandungi 15 hingga 20 bab.
- ix. Setiap bab hendaklah ditulis tidak melebihi tiga (3) orang penulis.
- x. Bilangan muka surat bagi setiap bab perlu sekurang-kurangnya 10 muka surat.
- xi. Salinan *hard copy* perlu diserahkan dalam bentuk rata dan telah dijilidkan secara ringkas (*comb* atau *tape binding*).



xii. Dokumen permohonan yang lengkap perlu dihantar ke:

Penerbit KUIS  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)  
Aras Bawah, Blok Akademik 1,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra,  
43000, Kajang, Selangor.

### **BINAAN ATAU STRUKTUR BAB DALAM BUKU**

Secara umumnya, menjadi kelaziman penerbit-penerbit universiti, binaan atau struktur Bab dalam Buku mengandungi tiga (3) bahagian utama iaitu; Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Justeru, Editor dikehendaki melengkapkan semua bahagian berkenaan.

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Rujukan</b>
1	<b>Bahagian Awalan</b>	
	Kulit Hadapan (Judul Bab dalam Buku)	Lampiran 1
	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pemilihan judul adalah amat penting kerana ia memberi gambaran menyeluruh terhadap sesebuah buku. Sekaligus berperanan sebagai penarik kepada pembaca untuk membeli atau terus membaca buku tersebut.</li><li>- Pastikan judul Bab dalam Buku mudah disebut dan maknanya mudah difahami.</li><li>- Adalah dicadangkan judul buku tidak melebihi 10 patah perkataan. Judul yang ideal adalah antara 3 hingga 7 perkataan sahaja.</li><li>- Maksimum tiga (3) nama Editor dipaparkan pada kulit buku.</li></ul>	
	Helaian Hak Cipta	Lampiran 2
	Isi Kandungan	Lampiran 3
	<ul style="list-style-type: none"><li>- Isi kandungan disediakan untuk memudahkan para pembaca.</li><li>- Muka pertama bagi halaman isi kandungan perlulah berada di bahagian <i>recto</i>.</li></ul>	
	Kata Pengantar	-
	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kata Pengantar lazimnya ditulis oleh seseorang yang dianggap terkemuka dalam sesuatu bidang yang dipaparkan dalam buku tersebut.</li><li>- Ulasan Bab dalam Buku daripada tokoh tertentu dalam bidang/institusi yang berkaitan.</li></ul>	



	<ul style="list-style-type: none"><li>- Muka pertama bagi halaman Kata Pengantar perlulah berada di halaman <i>recto</i>.</li></ul>	
	<p><b>Prakata</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Prakata lazimnya mengandungi kenyataan Editor tentang karyanya, sebab menulis karya usaha penulisan dan penghargaan kepada pihak-pihak yang berkaitan.</li><li>- Muka pertama bagi halaman Prakata perlulah berada di halaman <i>recto</i>.</li></ul>	Lampiran 4
	<p><b>Senarai Jadual</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Penomboran jadual adalah berturutan dari Jadual 1 hingga Jadual akhir dan bukannya mengikut bab.</li><li>- Tajuk jadual ditulis dibahagian atas.</li><li>- Nyatakan sumber dan tahun pada jadual yang dipetik dari sumber rujukan.</li></ul>	Lampiran 5
	<p><b>Senarai Rajah</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Penomboran rajah adalah berturutan dari Rajah 1 hingga Rajah akhir dan bukannya mengikut bab.</li><li>- Tajuk rajah dibahagian bawah rajah.</li><li>- Nyatakan sumber dan tahun pada rajah yang dipetik dari sumber rujukan.</li></ul>	Lampiran 6
	<p><b>Pendahuluan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pendahuluan Bab dalam Buku adalah ulasan buku secara keseluruhan yang mengandungi bahan atau isi penting tentang kandungan buku, latar belakang subjek buku atau latar belakang sejarahnya.</li><li>- Muka pertama bagi halaman Pendahuluan perlulah berada di halaman <i>recto</i>.</li></ul>	-
2	<p><b>Bahagian Teks</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Bahagian ini terletak antara bahagian awalan dan bahagian akhiran.</li><li>- Ia terdiri daripada pecahan bab atau topik yang difikirkan sesuai dan perlu bagi Editor untuk membolehkan kandungan Bab dalam Buku ini diikuti dan difahami dengan jelas oleh pembaca.</li><li>- Bab dalam Buku ialah bab yang terkandung dalam sebuah buku, yang mana setiap bab mempunyai penulisnya tersendiri.</li></ul>	-



	<p><u>Bahasa dan Ejaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Gunakan tatabahasa yang betul dan ejaan yang tepat.</li><li>- Jika Bab dalam Buku dalam Bahasa Inggeris, selaraskan ejaan menurut British English atau American English.</li></ul> <p><u>Bab</u></p> <p>Bab hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Dinomborkan dengan angka.</li><li>- Setiap bab mestilah dimulakan pada halaman baharu.</li><li>- Tajuk bab mestilah ditaip dengan jelas.</li><li>- Muka pertama bagi setiap bab baharu perlulah berada di halaman <i>recto</i>.</li><li>- Nama penulis diletakkan pada setiap bab.</li><li>- Penomboran muka surat diletakkan di sudut bawah sebelah kanan.</li></ul>	
3	<p><b>Bahagian Akhiran</b></p> <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Cara penulisan rujukan adalah mengikut format APA secara konsisten.</li><li>- Senarai rujukan adalah pada akhir setiap bab.</li><li>- Kaedah penulisan senarai rujukan perlu mematuhi format melalui pautan: APA Style: <a href="https://library.westernsydney.edu.au/main/sites/default/files/cite(APA).pdf">https://library.westernsydney.edu.au/main/sites/default/files/cite(APA).pdf</a></li></ul> <p>Senarai Penulis</p> <p>Indeks</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Indeks merupakan kata nama atau rangkai kata pendek yang penting dan jarang ditemui.</li><li>- Disusun mengikut abjad dan diikuti oleh nombor muka surat.</li></ul> <p>Blurb</p> <p>Tuliskan tajuk dan nyatakan huraian ringkas yang menarik tentang Bab dalam Buku ini. Tujuannya untuk meyakinkan pembaca pentingnya membaca Bab dalam Buku ini.</p>	<p>Lampiran 7</p> <p>Lampiran 8</p> <p>Lampiran 9</p>

## **REKA BENTUK KULIT**

Reka bentuk kulit hadapan, dan belakang Bab dalam Buku disediakan oleh Editor dan ditambah baik oleh pihak Penerbit KUIS (jika perlu).

## **SAIZ BAB DALAM BUKU**

Saiz Bab dalam Buku apabila siap adalah ditetapkan pada saiz 6" x 9".

## **ASPEK PENULISAN DAN PENERBITAN**

- i. Editor hendaklah terbuka menerima pandangan pihak Penerbit KUIS dalam aspek penulisan dan penyediaan Bab dalam Buku.
- ii. Dalam aspek penerbitan, Editor hendaklah mematuhi gaya dan peraturan yang diguna pakai dan ditetapkan Penerbit KUIS.



LAMPIRAN 1





## LAMPIRAN 2

Cetakan Pertama 2018  
Hak cipta Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2018

KESEPADUAN SOSIOBUDAYA DALAM KEPELBAGAIAN MASYARAKAT

MAJMUK

Norfaezah Mohd Hamidin

Hasliza Talib

©PENERBIT KUIS, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

No. ISBN: 978-967-2122-22-7

*Diterbitkan di Malaysia oleh*

PENERBIT KUIS

D/A PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

BANDAR SERI PUTRA, 43000 KAJANG, SELANGOR

penerbit@kuis.edu.my

03-89117000 Ext: 2117/3213/2334

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit KUIS terlebih dahulu.

*Disusunatur Huruf dan Dicetak di Malaysia oleh*

UKM Cetak Sdn. Bhd.

Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia

E-mail: ukm\_cetak@yahoo.com.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

KESEPADUAN SOSIOBUDAYA DALAM KEPELBAGAIAN MASYARAKAT

MAJMUK / Penyunting: Norfaezah Mohd Hamidin & Hasliza Talib

ISBN 978-967-2122-22-7

1. Ethnicity--Malaysia. 2. malaysian--Race relations.

3. Malaysia--Ethnic relations. 4. Malaysia--Social conditions

5. Malaysia--Politics and government. I. Norfaezah Mohd. hamidin.

II. hasliza Talib.

305.8009595



## LAMPIRAN 3

### ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	viii
Prakata	xi
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Pendahuluan	1
<b>BAHAGIAN I:</b>	
<b>KONSEP DALAM PEMBENTUKAN SOSIOBUDAYA</b>	
<b>MASYARAKAT</b>	
Maqasid Al-Syari'ah Sebagai Panduan Pengguna Muslim Dalam Menangani Cabaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Masakini	5
<i>Aznan Zuhid Saidin &amp; Elistina Abu Bakar</i>	
'Amal Jamā'i Pencetus Kepada Kekuatan Ummah	15
<i>Mohd Nizho Abdul Rahman, Norzaliza Ghazali &amp; Azman Md Zain</i>	
Analisis Konsep <i>Cadalah</i> Dan <i>Musawah</i> Memurut Al-Quran Dan Al-Sunnah	29
<i>Nur Zainatal Nadra Binti Zainol &amp; Latifah Binti Abdul Majid</i>	
<b>BAHAGIAN II:</b>	
<b>PEMBENTUKAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT</b>	
Fahaman Kemalisme Dalam Konstruksi Sejarah Dan Politik Moden Di Turki	47
<i>Ahamad Jama' Amin Yang &amp; Mohd Samsudin</i>	
Konflik Perkauman Cina – Melayu: Satu Sorotan Dalam Sejarah Malaysia	65
<i>Nor Azlah Sham Bt Rambely &amp; Mohamed Ali Haniffa</i>	



## LAMPIRAN 4

### PRAKATA

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas insan paling sempurna, Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat RA yang telah dipayungi lembayung keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah SWT jualah serta dengan kesempatan waktu yang dianugerahkan olehNya, maka Institut Kajian Hadis (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) amat bersyukur dapat menyediakan sebuah pemulisan ilmiah bertajuk DINAMIKA KAJIAN TURATH: ANTOLOGI KEHUJAHAN HADIS. Sebuah buku sederhana tetapi menepati kedudukan yang sangat penting di antara ilmu-ilmu keislaman lainnya kerana fokus kajiannya merangkumi pedoman hidup, sumber hukum dan ajaran dalam Islam yang mempunyai pertalian amat rapat dengan al-Quran. Dengan itu, al-Syatibi menyatakan bahawa tidak ada satu pun permasalahan yang dibincangkan oleh hadis melainkan maknanya telah ditunjukkan oleh al-Qur'an, baik secara umum ataupun secara terperinci. Pemulisan ini khususnya disediakan sebagai rujukan bagi pelajar-pelajar di KUIS, dan amnya sebagai pembacaan ilmiah untuk masyarakat. Ia memberi pendedahan berkaitan pelbagai wacana dalam disiplin ilmu hadis yang diolah berdasarkan sumber ambilan yang sahih daripada nas al-Quran dan juga sabda baginda Rasulullah SAW. Semoga pemulisan ini akan membantu menyelitkan kefahaman dalam jiwa pembaca dalam usaha memahami kehendak dan kerangka kehujahan hadis sebagai salah satu warisan unggul Rasulullah SAW dan seterusnya dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian demi merealisasikan fungsi kehambaan dan kekhilafahan manusia terhadap Allah SWT.

Sekian, selamat membaca.

**Abur Hamdi Usman**  
Penyunting



## LAMPIRAN 5

### SENARAI JADUAL

Jadual 1	Jumlah peratusan imigran Cina daripada keseluruhan populasi	69
Jadual 2	Jumlah peratusan imigran Cina yang dilahirkan di Tanah Melayu	70
Jadual 3	Nisbah jantina: Wanita berketurunan Cina berbanding 1000 lelaki berketurunan Cina	70
Jadual 4	Peristiwa Keganasan Kaum Yang Berlaku	73
Jadual 5	Pembahagian Cuti Umum di Malaysia	152
Jadual 6	Cuti-cutii Umum di Malaysia	153
Jadual 7	Statistik Kes Gelandangan Mengikut Kumpulan Umur, Etnik dan Jantina 2015	185
Jadual 8	Program dan Aktiviti Surau Ad Deeniah	196

Jadual 2: Interpretasi skor min


Skor Min	Tahap
0.00-1.66	Rendah
1.67-3.33	Sederhana
3.34-5.00	Tinggi

Sumber: Johari & Aslinda (2010)

LAMPIRAN 6

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1	Hubungan antara manusia dengan teknologi	7
Rajah 2	Hubungan antara manusia (dengan panduan <i>Maqasid al-Syari'ah</i> ) dengan teknologi	14
Rajah 3	Model Perpaduan Dalam Kepelbagaiaan Dari Sudut Pandangan Ibnu Khaldun	90
Rajah 4	Taxonomy Bloom (Ulangkaji semula)	136
Rajah 5	Kaedah STT (Semak, Teliti dan Tindak)	170
Rajah 6	Permainan Bola Sepak Kertas	176
Rajah 7	Proses Penghasilan Alatan Permainan Bola Sepak Kertas	177
Rajah 8	Langkah-langkah Penghasilan 'Pemain'	178



Rajah 1: Hubungan antara manusia dengan teknologi  
(Adaptasi daripada Fuchs, 2008)



**LAMPIRAN 7**

**SENARAI NAMA PENYUMBANG**

♦ ♦ ♦

Ahamad Jama' Amin Yang ialah Pensyarah Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah.

Ahmad Dahlan Salleh (Dr.) ialah Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Azman Md Zain ialah Pensyarah Jabatan Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Aznan Zuhid Saidin (Dr.) ialah Penolong Professor, Jabatan Informasi & Sistem, Kulliyah Informasi & Teknologi Komunikasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Elistina Abu Bakar (Dr.) ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Pembangunan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Pertanian Malaysia (UPM).

Hairol Anuar Mak Din (Dr.) ialah Dekan Pusat Pengajian Teras (PPT), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Hanis Najwa Shaharuddin ialah Pensyarah Bahasa Arab, Jabatan Bahasa & Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras (PPT), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Kamal Eazzat Mat Isa ialah Penolong Pengarah, Jabatan Perhubungan Awam, Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Khairulnizam Mat Karim (Dr.) ialah Pensyarah Kanan, Ketua Unit Bahasa & Pengajian Umum, Kolej Pengurusan Perniagaan & Perakaunan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Ku Basyirah Ku Yaacob ialah Pensyarah Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



## LAMPIRAN 8

### INDEKS

#### A

Adaptasi 7, 134, 178  
Agama 54, 89, 112, 194, 196, 199,  
233, 236, 238, 240, 243  
Akad 208  
Akhlik 36  
Aktiviti 166, 173, 196  
al-Fiqh 18  
Allah SWT 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22,  
23, 24, 25, 27, 28  
Al-Quran 2, 18, 22, 25, 30, 31, 33, 35,  
36, 37, 38, 40, 41, 43, 81  
Al-Sunnah 33, 35, 36  
alternatif 54, 131, 169, 222, 225  
amal jariah 17  
amanah 20, 21, 22, 193  
analisis 84  
Ansar 20  
Arab 51, 92, 120, 121, 126, 128, 129  
asas 5, 31, 49, 50, 52, 93, 124, 167,  
179, 194  
autonomi 49, 50

#### B

bahasa Arab 34, 82, 124, 126, 131,  
137  
bantuan 5, 9, 20, 111, 138, 189, 233  
Barat 51, 52, 83, 144  
bencana 148  
bersatu padu 20, 28  
bertelagah 110, 147  
Bible 232  
binaan 20  
Bola Sepak 176, 178, 180  
British 66, 68, 71, 74, 77  
Budha 125, 156, 240

#### C

cabaran 6, 7, 8, 11, 13, 94, 100, 102  
cagaran 207, 208  
cemerlang 20, 22  
cerai 54  
cergas 19  
Cikgu 108  
Cina 65, 67, 70, 71, 73, 75, 78  
Cuti Umum 151, 152, 153, 158

#### D

Daerah 68, 73  
Dayak 154, 160  
demokrasi 47, 49, 56  
dewasa 97, 180  
Dharuriyyat 11  
dialog 111, 232, 240  
Digital 134  
domestik 32  
dominasi 49, 56, 62, 64  
dunia 10, 16, 71, 81, 86, 96, 119, 124,  
142, 156, 188, 229  
Dunia 8  
duniawi 16, 19, 26, 159

#### E

ego 147  
ekonomi 17, 32, 56, 71, 103, 112, 131,  
142, 184, 222, 228  
emosi 97, 187, 218  
enakmen 205, 206, 209  
entiti 6  
E-pembelajaran 133  
E-Pembelajaran 134  
estetik 120



## LAMPIRAN 9

The cover of the book is green with a white rectangular border containing the title and a short description.

**KESEPADUAN SOSIOBUDAYA  
DALAM  
KEPELBAGAIAN MASYARAKAT MAJMUK**

Arus globalisasi kini dilihat telah mengancam kestabilan hidup bersosial semasa insan dari sejenap sudut kehidupan. Amalan-amalan beragama dalam kehidupan semakin menjauh dan arus ini mendekatkan masyarakat kepada pelbagai masalah sosial sebagaimana yang dipaparkan oleh media massa kini. Banyak penyakit sosial telah timbul dalam masyarakat seperti korupsi, rasuah, penipuan, pecah amanah, sifat perkakuan, gelandangan, maklumat palsu di media sosial, pencurian, hubungan lair nikah dan pembunuhan bayi dan sebagainya. Namun telah menggariskan panduan hidup kepada manusia untuk hidup dalam suasana harmoni, rukus dan damai. Panduan tersebut mencakupi semua aspek kehidupan manusia sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Syariat Islam harus dijadikan jalan peryelesaian kepada semua permasalahan yang melanda kehidupan manusia masa kini.

Buku ini adalah hasil risolai "Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan" (PASAK2016) yang memuatkan 19 bab dengan mengangkat 6 tema dalam "Kesepadan Sosiobudaya Dalam Kepebagaihan Masyarakat Majmuk" mengikut lima bahagian. Bahagian I menceritakan tentang konsep dalam pembentukan sosiobudaya masyarakat. Bahagian II pula berkaitan pembentukan sosiobudaya masyarakat. Manakala bahagian III tentang ke arah kecermerlangan dan pembangunan sosiobudaya. Bahagian IV mengenai kesepadan sosial masyarakat dan bahagian akhir tentang kesihatan. Buku ini adalah hasil sumbangan artikel daripada 32 orang penulis mengikut bidang dan kepakaran masing-masing. Untuk itu, buku ini diusulkan sebagai satu platform untuk dijadikan panduan untuk mencapai jalan kesatuan dalam kepebagaihan agama, bangsa, bahasa, budaya, pendidikan, pemikiran dan gaya hidup, seterusnya dapat berdepan dengan arus globalisasi untuk menuju kesejahteraan hidup bermasyarakat dalam pelbagai unsur kehidupan.

## SENARAI SEMAK UNTUK EDITOR

Penulis boleh menggunakan senarai semakan berikut sebelum sesebuah Bab dalam Buku diserahkan kepada pihak Penerbit. Senarai semakan ini penting untuk Editor bagi memastikan Bab dalam Buku yang dihantar kepada Penerbit KUIS adalah lengkap.

 <b>PENERBIT KUIS</b> KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR		<b>SENARAI SEMAK PENYERAHAN BAB DALAM BUKU</b>		
<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Ada</b>	<b>Tiada</b>	<b>Catatan</b>
1	<b>BAHAGIAN AWALAN</b>			
	Kulit Hadapan (Judul Bab dalam Buku)			
	Helaian Hak Cipta			
	Isi Kandungan			
	Kata Pengantar			
	Prakata			
	Senarai Jadual (jika ada)			
	Senarai Rajah (jika ada)			
	Pendahuluan			
2	<b>TEKS</b>			
	Tajuk Bab			
	Nama Penulis			
	Nombor halaman			
	Jadual: kapsyen, sumber			
	Rajah: kapsyen, sumber			
	Rujukan			
3	<b>BAHAN AKHIRAN</b>			
	Rujukan			
	Indeks			
	Kulit belakang ( <i>blurb</i> )			
4	Salinan <i>SOFT COPY</i> (e-mel kepada Penerbit KUIS)			
5	Salinan <i>HARD COPY</i> (1 salinan)			
6	Saiz Bab dalam Buku (6" x 9")			